RAZALI BIN SALLEH & SATU LAGI

lwn.

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) BAHAGIAN NILAM PURI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KOTA BHARU
DATO' ARIFIN BIN ZAKARIA PK
[GUAMAN NO. 22-118 TAHUN 1993]
8 SEPTEMBER 1993

UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN: Parti politik - Majlis Tertinggi parti mengugurkan keahlian ahli - Samada keputusan Majlis Tertinggi muktamad - Samada keputusan boleh dicabar di Mahkamah - Samada ahli yang digugurkan mempunyai locus standi untuk membawa guaman terhadap parti - Akta Pertubuhan, 1966 s. 18C.

INJUNKSI: Permohonan untuk membubarkan injunksi interim ex-parte - Samada permohonan boleh dibuat secara ex-parte - Syarat-syarat perlu.

Plaintif-plaintif adalah pada asalnya ahli berdaftar bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu(Baru) - (UMNO) - sebuah pertubuhan politik. Plaintif-plaintif telah memperolehi satu injunksi interlokuteri *ex-parte* bagi menghalang UMNO Bahagian Nilam Puri, Kelantan, yakni defendan pertama, dari mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian tersebut. Fakta kes menunjukkan bahawa kedua-dua plaintif telah digugurkan keahlian mereka oleh Majlis Tertinggi UMNO sebaik sahaja injunksi interlokutori tersebut diperolehi. Defendan pertama telah memasukkan permohonan, juga secara *ex-parte*, untuk membubarkan injunksi interim *ex-parte* diatas dan persoalan yang timbul adalah pertama, samada permohonan untuk membubarkan injunksi interim *ex-parte* boleh dibuat secara *ex-parte* dan kedua, samada pengguguran keahlian plaintif-plaintif oleh Majlis Tertinggi Umno meluputkan terus hak dan *locus standi* kedua-dua plaintiff untuk meneruskan guaman dalam kes ini.

Diputuskan:

[1] Injunksi interlokutori yang dikeluarkan di atas satu permohonan *ex-parte* boleh dibubarkan melalui satu permohonan yang dibuat secara *ex-parte* dengan syarat pihak lawan dimaklumkan tentang permohonan itu dan terdapat keadaan yang memerlukan tindakan segera. Kedua-dua syarat ini wujud dalam kes ini . Oleh yang demikian permohonan defendan adalah layak didengar secara *ex-parte*.

[2] Keputusan Majlis Tertinggi UMNO berhubung dengan keahlian plaintif-plaintif di dalam parti adalah terakhir dan muktamad dan Mahkamah tidak mempunyai bidangkuasa untuk mempertikaikan keesahan keputusan tersebut. Dengan tergugurnya plaintif-plaintif daripada menjadi ahli UMNO maka mereka tidak lagi mempunyai apa-apa hak di sisi undang-undang di dalam parti itu dan seterusnya tidak mempunyai *locus standi* untuk meneruskan guaman terhadap defendan-defendan.

[Permohonan dibenarkan].

Kes-kes yang dirujuk:

Subramaniam a/l Lakshmanasamy v. Datuk S. Samy Vellu & 4 Ors. [1988] 1 CLJ 367 ***(diikuti)***

Lim Hean Pin v. Thean Seng Co. Sdn. Bhd. & Ors. [1991] 2 MLJ 564 ***(dirujuk)***

London City Agency (JCD) Ltd. & Anor. v. Lee & Ors. [1970] 1 Ch. 597 ***(dicatit)***

Senator Lau Keng Siong & Anor. v. Ng Cheng Kiat [1990] 3 MLJ 413 ***(dicatit)***

Donmar Production Ltd. v. Bart & Ors. [1967] 1 WLR 740 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Pertubuhan 1966, s. 18C.

Sumber-sumber lain yang dirujuk:

Perlembagaan UMNO fasal 18.3.

Bagi pihak plaintif - Mokhtar bin Mohamed; M/s. Mokhtar & Co.

Bagi pihak defendan - Jauhari b. Hashim; M/s. Adhan & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Arifin bin Zakaria PK:

Ini adalah satu permohonan *ex-parte* oleh defendan pertama dan kedua untuk mengenepikan injunksi interim yang dikeluarkan oleh Mahkamah ini pada 6 September 1993, yang menghalang defendan pertama dari mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian sehingga guaman ini diputuskan oleh Mahkamah. Permohonan ini disokong oleh afidavit Hj. Abdullah bin Hj. Muhamad di atas sifatnya sebagai Setiausaha Bahagian defendan kedua, yang diikrarkan pada 7 September 1993 dan afidavit tambahannya yang diikrarkan pada 8 September 1993. Walaupun permohonan ini dibuat secara *ex-parte* tetapi peguamcara plaintif-plaintif telah dimaklumkan tentang permohonan ini dan berikutan dari itu peguambela bagi kedua-dua

plaintif, En. Mokhtar bin Mohamad, telah hadir semasa permohonan ini didengar oleh Mahkamah.

Sebelum saya membincangkan soal merit permohonan ini, perlu saya menyentuh satu soal permulaan iaitu samada permohonan ini boleh dibuat secara *ex-parte* seperti yang dilakukan disini atau disebaliknya perlu dibuat secara *inter parte*. Persoalan yang serupa telah pernah dibangkitkan di dalam kes *Subramanian a/l Lakshmanasamy v. Datuk S. Samy Vellu & 4 Ors.* [1988] 1 CLJ 367 dan kes *Lim Hean Pin v. Thean Seng Co. Sdn. Bhd & Ors.* [1991] 2 MLJ 564. Kedua-dua kes ini telah dibicarakan oleh Y.A. Mohamad Dzaiddin H. (pada masa itu). Di dalam kes pertama defendan-defendan adalah ahli Central Working Committee bagi Malaysian Indian Congress. Defendan-defendan di dalam kes itu telah mengisytiharkan cawangan Tanjong West, Malaysian Indian Congress sebagai defungsi apabila didapati jumlah keahliannya adalah 71 orang sedangkan mengikut Fasal 19.12 perlembagaan parti itu keahlian cawangan tidak boleh kurang daripada 100 orang. Oleh kerana pengisytiharan itu plantiff mengatakan bahawa plantiff dan ahli-ahli lain telah dilucutkan dari hak-hak dan keistimewaan mereka yang diberikan mengikut perlembagaan parti itu. Plantiff telah memohon dan diberikan satu perintah injunksi interim yang di antara lainnya menahan defendan-defendan daripada mengadakan Congress Negeri Pulau Pinang sementara menunggu pengisytiharan Mahkamah tentang status Malaysian Indian Congress Cawangan Tanjong West. Defendan-defendan di dalam kes itu telah memohon secara *ex-parte* kepada Mahkamah untuk membatalkan perintah interlokutori itu. Mohamad Dzaiddin H. di dalam membenarkan permohonan itu didengar secara *ex-parte* mengatakan di m. s. 368.

> As the parties were present in the afternoon, I assumed that the application was made upon due notice given to the plaintiff's solicitors and counsel were prepared to argue the defendant's application without filing any affidavit-in-reply. In my opinion, even if I was wrong in my assumption, based on the authority cited to me by Mr. Vijandran, I could in the circumstances of this application hear it.

Y.A. Hakim merujuk kepada kes *London City Agency (JCD), Ltd. & Anor. v. Lee & Ors.* [1970] 1 Ch 597 bagi menyokong keputusannya itu.

Di dalam kes *Lim Hean Pin v. Thean Seng Co. Sdn. Bhd. & Ors.* [1991] 2 MLJ 564 permohonan *ex-parte* untuk mengenepikan perintah injunksi telah ditolak kerana pihak plantiff tidak dimaklumkan tentang permohonan itu. Di dalam penghakimannya Y.A. Hakim mengatakan di m. s. 564:

> Now, on the law, the Court can dissolve an *ex-parte* injunction made on an *ex-parte* application provided:
>
> (a) a case of sufficient cogency can be made out; and
> (b) the plaintiffs are informed of the application. (See 22 **Atkin's Court Forms** (2nd Edn.) (1986 re issue) at p 84.)

Dan di m. s. 565 Y.A. Hakim menyambung:

> It will be noted in both cases of *Subramanian* and *Castle Fitness* that the plaintiffs were aware of the application. In *Subramanian's* case counsel for the plaintiff was aware that the defendants' counsel were in the corridor of my Court armed with an *ex-parte* summons. Despite the absence of the plaintiff's counsel before me, I heard the application *ex-parte* because it was an urgent matter. In *Castle Fitness's* case, it appears that the plaintiffs were not before the judge although their solicitors had advance knowledge of the *ex-parte* application.

Daripada nas-nas di atas saya berpendapat bahawa injunksi interlokutori yang dikeluarkan di atas satu permohonan *ex-parte* boleh bubarkan melalui satu permohonan yang dibuat secara *ex-parte* dengan syarat pihak plaintif telah dimaklumkan tentang permohonan itu.

Di dalam kes ini peguambela plaintif-plaintif telah diberi notis oleh pemohon dan telah dibenarkan membuat penghujahannya semasa permohonan ini didengar. Saya juga mendapati di dalam kes ini, terdapat keadaan yang memerlukan tindakan segera memandangkan mesyuarat bahagian defendan pertama telah ditetapkan pada 9 September 1993. Di atas alasan-alasan itu saya memutuskan bahawa permohonan ini adalah layak didengar secara *ex-parte*.

Seterusnya apa yang perlu ditimbangkan oleh Mahkamah ialah samada defendan telah berjaya menimbulkan satu kes yang cukup menyakinkan bagi membubarkan injunksi interlokutori yang telah dikeluarkan secara *ex-parte* itu. Dari afidavit defendan kedua yang diikrarkan pada 9 September 1993 adalah

dinyatakan bahawa kedua-dua plaintif telah digugurkan dari menjadi ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO (selepas ini dirujuk sebagai "UMNO") oleh Majlis Tertinggi UMNO di dalam mesyuaratnya pada 6 September 1993. Mengikut surat yang dikemukakan sebagai eksibit "HBHM - 1" yang dikepilkan kepada afidavit Hj. Abdullah bin Hj Muhamad kedua-dua plaintif telah tergugur keahliannya sesuai dengan fasal 18.3 Perlembagaan UMNO. Fasal 18.3 itu memperuntukan sepertimana berikut:

> Seseorang ahli yang membawa apa-apa jua perkara parti atau hak keahliannya ke Mahkamah sebelum mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan parti maka keahliannya di dalam parti gugur dengan sendirinya.

Setakat ini keputusan Majlis Tertinggi UMNO belum dicabar oleh kedua-dua plaintif dengan itu peruntukan seksyen 18C Akta Pertubuhan 1966 adalah terpakai. (Sila lihat *Senator Lau Keng Siong & Anor. v. Ng Cheng Kiat* [1990] 3 MLJ 413). Seksyen 18C Akta Pertubuhan menyatakan:

> 18C. Keputusan parti politik terakhir dan muktamad
>
> Keputusan sesuatu parti politik atau mana-mana orang-orang yang diberi kuasa olehnya atau oleh perlembagaannya atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya berkenaan dengan interpretasi perlembagaannya kaedah-kaedahnya atau peraturan-peraturannya atau mana-mana perkara berkaitan dengan hal ehwal parti ada lah terakhir dan muktamad dan keputusan yang sedemikian tidaklah boleh dicabar, dibuat rayuan ke atasnya, disemak, dibatalkan atau di persoalkan dalam mana-mana Mahkamah atas sebarang alasan, dan Mahkamah tidak ada bidangkuasa untuk melayan atau memutuskan mana-mana guaman, permohonan, soalan atau prosiding atas apa-apa alasan pun berkait dengan keesahan sesuatu keputusan itu. (Terjemahan disediakan oleh Mahkamah)

Berdasarkan kepada peruntukan itu bererti keputusan Majlis Tertinggi UMNO berhubung dengan keahlian plaintif-plaintif di dalam parti itu adalah terakhir dan muktamad dan Mahkamah di dalam hubungan ini tidak mempunyai bidangkuasa berhubung dengan keesahan keputusan Majlis Tertinggi itu. Seterusnya peguambela bagi kedua-dua defendan menghujahkan bahawa dengan tergugurnya plaintif-plaintif daripada keahliannya di dalam UMNO maka mereka tidak lagi mempunyai *locus standi* untuk meneruskan guamannya terhadap kedua-dua defendan. Saya bersetuju dengan penghujahan itu, kerana dengan tergugurnya plaintif-plantif daripada menjadi ahli UMNO maka mereka tidak lagi mempunyai apa-apa hak di sisi undang-undang di dalam parti itu.

Berhubung dengan perintah injunksi interlokutori pula, perlu diingatkan di sini bahawa tujuan utama perintah itu ialah untuk mengekalkan *status quo* pihak-pihak di dalam sesuatu guaman sementara menunggu perbicaraan. Sebagaimana kata Ungoed Thomas H. di dalam kes *Donmar Productions Ltd. v. Bart & Ors.* [1967] 1 WLR 740 di m. s. 742:

> So in an application for interlocutory injunction the applicant must establish a probability or a strong *prima facie* case that he is entitled to the right of whose violation he complains and, subject to this being established, the governing consideration is the maintenance of the *status quo* pending the trial.

Memandangkan kedua-dua plaintif tidak lagi menjadi ahli UMNO maka saya berpendapat keperluan untuk mengekalkan *status quo* mereka di dalam parti itu, sementara menunggu perbicaraan, tidak timbul lagi.

Berdasar kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas saya membenarkan permohonan defendan pertama dan kedua seperti di perenggan 1 permohonan mereka itu. Saya juga memerintahkan bahawa kos permohonan ini adalah kos dalam kausa.